Perutusan

SETIAUSAHA AGUNG MERANGKAP PENGERUSI PENGANJUR PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN PARTI BERSATU SABAH (PBS)

Salam hormat, Salam Sejahtera, Salam Bersatu dan Salam 1 Malaysia.

Kalau tidak si ikan bilis
Tidak nasi sedap begini
Kalau tidak perjuangan PBS
Tidak kita berkumpul di sini

Pertama sekali, marilah kita bersyukur kepada Tuhan yang Mahakuasa kerana dengan berkat dan izinNya jua kita dapat berkumpul sekali lagi di dalam suasana yang harmoni dan ceria sempena Perhimpunan Agung Tahunan kali yang ke-24 ini. Sehubungan dengan itu juga, izinkan saya bagi pihak Jawatankuasa Penganjur mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada Majlis Tertinggi PBS kerana telah menaruh kepercayaan kepada kami mengendalikan pelaksanaan Perhimpunan Agung Tahunan PBS kali ini. Bagaimanapun, jika sekiranya terdapat cacat cela terhadap persediaan dan persiapan Kongres pada keseluruhannya, maka saya bagi pihak Jawatankuasa Penganjur, menyusun jari sepuluh memohon ampun dan maaf.

Didalam kesempatan ini juga, saya bagi pihak Jawatankuasa Penganjur mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli-ahli Parti Bersatu Sabah (PBS) diperingkat Cawangan dan Bahagian diatas usaha gigih untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan masing-masing. Dengan adanya mesyuarat-mesyuarat agung tahunan dijalankan, bukan saja menyahut tuntutan kehendak perlembagaan parti, tetapi ianya dapat memberi ruang dan peluang kepada ahli-ahli dan penyokong PBS supaya dapat berinteraksi disamping berbincang dan bertukar-tukar fikiran bertujuan mengukuh dan memantapkan PBS yang berjuang dengan konsep berbilang kaum dan dengan pendekatannya yang sederhana serta toleransinya yang tinggi dan juga tidak lari daripada perjuangan asal yang menjaga dan melindungi hak-hak kepentingan rakyat Malaysia khususnya di Sabah; maka PBS akan terus menjadi wadah perjuangan politik yang sentiasa relevan. Justeru, semua kita di dalam PBS mestilah bekerjasama saling bantu-membantu kearah menguat dan memperkukuhkan parti supaya ianya seiring dengan parti-parti komponen yang lain. PBS tidak mampu untuk berdiam diri tetapi mestilah terus bergerak maju sebagai satu parti yang sentiasa aktif bersatu padu dengan perjuangannya memelihara dan melindungi kepentingan rakyat Malaysia berbilang kaum, khususnya di Sabah.

Sebagai penutup, sekali lagi saya bagi pihak Jawatankuasa Penganjur mengucapkan ribuan terima kasih kepada AMT, Pergerakan Wanita & Pemuda, Bahagian-Bahagian dan juga Cawangan-Cawangan diatas segala kerjasama dan sumbangan kepada pelaksanaan Perhimpunan Agung Tahunan pada kali yang Ke-24 ini. Semoga Tuhan memberkati kita semua.

Selamat bersidang!!!

Bersatu! Bersatu! Bersatu!

"PATRIOTISME ASAS PERPADUAN"

YB DATUK RADIN MALEH
Setiausaha Agung